

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8/4/2013

MUKA 6 • UTUSAN MALAYSIA



Manifesto Barisan Nasional: Menepati Janji Membawa Harapan

Manifesto Barisan Nasional komprehensif, terbaik

UM - 8/4/2013

KUALA LUMPUR 7 April - Manifesto Barisan Nasional (BN) *Menepati Janji Membawa Harapan* diyakini terus memacu dan memperkasakan ekonomi dan memberi kestabilan kepada kehidupan rakyat.

Tokoh ekonomi, Tan Sri Ramon Navaratnam menyifatkan manifesto BN cukup komprehensif, dan menyeluruh tidak ubah seperti bajet lima tahun.

Menurut beliau, projek-projek yang dirancang cukup spesifik dan nilai rantaian kepada ekosistem ekonomi juga cukup luas.

Lebih penting, katanya, manifesto BN adalah sesuatu yang boleh dinilai oleh rakyat dalam tempoh

lima tahun lagi.

"Saya paling tertarik dengan tumpuan Perdana Menteri yang terus memberi fokus kepada 40 peratus kumpulan sasaran dalam usaha mengubah dan memperbaiki kehidupan rakyat.

"Saya juga yakin rakyat pasti me-



RAMON NAVARATNAM



DR. MAHANI

nyambut baik manifesto BN demi masa depan mereka," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Ramon berkata demikian sebagai mengulas ma-

nifesto BN yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam.

Manifesto yang mengandungi 17 teras itu antara lain ialah meningkatkan kehidupan warga bandar, membina ekonomi mapan, dinamik dan inovatif, meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam, memerangi gejala rasuah dan menyemak Dasar Automotif Nasional.

Sementara itu, Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa, Datuk Dr. Mahani Zainal Abidin pula menyifatkan manifesto BN sebagai strategi tambahan kepada Program Transformasi Ekonomi.

Tambah beliau, manifesto BN terbaik kerana diterjemahkan de-

ngan strategi dan hala tuju masa depan yang lengkap, jelas dan terancang untuk difahami dan diteliti oleh rakyat.

Jelas beliau, manifesto itu juga jelas menunjukkan betapa Perdana Menteri serius untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

"Manifesto BN memberi penekanan terhadap kepentingan ekonomi dan kesejahteraan rakyat melalui projek-projek yang cukup komprehensif.

"Elemen-elemen ini selari untuk meningkatkan kedudukan ekonomi dan taraf sosio rakyat," ujarnya.